



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

KENYATAAN SEBUT HARGA (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

CADANGAN PEROLEHAN ICT BAGI PELAKSANAAN PENSIJILAN PROFESIONAL BAHARU: CERTIFIED SYSTEM ANALYSIS STATISTIC (SAS) DI KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
505/2024/0003	210101 dan 210103	25/03/2024 hingga 31/03/2024	01/04/2024 Sesi Taklimat : 10:00 pagi BILIK MESYUARAT, KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG	RM 5.00	05/04/2024 (sebelum 12:00 tengahari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- i) **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM)**
 - ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - iii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa sesi taklimat dan membeli dokumen. Pembekal hendaklah membawa **cop syarikat semasa menghadiri Taklimat Sebut Harga**. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara atas talian melalui <https://bayar.maraeps.my> atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**
4. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.

5. Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **MARA** semasa menghadiri taklimat sebut harga.

6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG, LOT 2333, JALAN
KAJANG - SEREMBAN, MUKIM BERANANG, 43700 BERANANG,
SELANGOR


AZLINA BINTI JOHARI
PENGARAH
KOLEJ PROFESIONAL MARA
BERANANG

Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12:00 tengahari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak.
10. SILA BUAT PEMBAYARAN MELALUI MARAEPS DAN MUAT TURUN KESELURUHAN DOKUMEN SEBUTHARGA. SILA BAWA DOKUMEN SEBUTHARGA SEMASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK UNTUK PENGESAHAN KEHADIRAN. PIHAK KPM BERANANG TIDAK MENCETAK DAN TIDAK MENJUAL DOKUMEN SEBUTHARGA SECARA FIZIKAL.